



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 06 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	JKM Mula Agih Barangan Keperluan Musim Tengkujuh Di Tumpat https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-mula-agih-barangan-keperluan-musim-tengkujuh-di-tumpat-494891 https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2359771 https://www.youtube.com/watch?v=m-0B7_XWs6U	Astro Awani Bernama Berita RTM	Neutral
2.	Kerjasama Padu JKM, PDRM Tangani Kes Buang Bayi: Fatimah https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/05/kerjasama-padu-jkm-pdrm-tangani-kes-buang-bayi-fatimah	Utusan Borneo	Neutral
3.	21 Bekas Penghuni Pusat Jagaan Warga Emas 'Dibuang' Di Luar Pejabat NGO https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/05/21-bekas-penghuni-pusat-jagaan-warga-emas-dibuang-di-luar-pejabat-ngo/ https://malaysiagazette.com/2024/11/05/pusat-jagaan-tinggalkan-21-warga-emas-depan-pejabat-ngo/ https://www.sinarharian.com.my/article/694901/berita/semas-a/21-warga-emas-ditinggalkan-depan-pejabat-ngo	FMT Malaysia Gazette Sinar Harian	Neutral

4.	Wanita Muda Semakin Terdedah Penyakit Kanser Payudara https://www.bharian.com.my/sihat/2024/11/1319884/wanita-muda-semakin-terdedah-penyakit-kanser-payudara	Berita Harian	Neutral
5.	Suzana Idayu Wanita Pertama Dilantik Pengarah Besar Felda https://malaysiagazette.com/2024/11/05/suzana-idayu-wanita-pertama-dilantik-pengarah-besar-felda/ https://www.malaysiakini.com/news/724938	Malaysia Gazette Malaysia Kini	Neutral
6.	Warga Emas 70 Tahun Rugi Lebih RM170,000 Ditipu Skim Pelaburan Tidak Wujud https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-70-tahun-rugi-lebih-rm170000-ditipu-skim-pelaburan-tidak-wujud-494895 https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/warga-emas-berputih-mata-rm176500-lesap-diperdaya-skim-pelaburan-tidak-wujud/ https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1320033/warga-emas-rugi-lebih-rm170000-ditipu-skim-pelaburan-tidak-wujud#google_vignette https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-rugi-rm176-500 https://www.melakahariini.my/warga-emas-rugi-lebih-rm170000-ditipu-skim-pelaburan-tidak-wujud/	Astro Awani Utusan Berita Harian Berita RTM Melaka Hari Ini	Neutral
7.	Warga Emas Diberi Peluang Aktif Melalui Pawe https://www.dailyexpress.com.my/news/245397/warga-emas-diberi-peluang-aktif-melalui-pawe/	Daily Express	Neutral
8.	Lelaki OKU Hilang Dua Hari Ditemui Dekat Ladang Kelapa Sawit		Neutral

	https://www.kosmo.com.my/2024/11/05/lelaki-oku-hilang-dua-hari-ditemui-dekat-ladang-kelapa-sawit/#google_vignette https://www.sinarharian.com.my/article/694834/berita/semasa/lelaki-oku-lari-dari-pusat-jagaan-ditemui-di-ladang-kelapa-sawit	Kosmo Sinar Harian	
9.	Belanjawan 2025 Tingkat Kapasti OKU Merancak Ekonomi https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2024/11/1320272/belanjawan-2025-tingkat-kapasti-oku-merancak-ekonomi	Berita Harian	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

JKM MULA AGIH BARANGAN KEPERLUAN MUSIM TENGGUJUH DI TUMPAT



Kesemua barangan asas seperti tikar, selimut, beras, gula serta minyak masak itu ditempatkan di Masjid Al-Ahmadiyah Mukim Pulau Teluk Renjuna di sini. - Gambar/ Bernama

TUMPAT: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mula mengagihkan 28 barangan keperluan untuk kegunaan lebih 700 ketua isi rumah dari 13 kampung gugusan pulau di jajahan ini sebagai langkah bersiap sedia menghadapi musim tengkujuh.

Pegawai JKM Tumpat Fathiah Ibrahim berkata kesemua barangan asas seperti tikar, selimut, beras, gula serta minyak masak itu ditempatkan di Masjid Al-Ahmadiyah Mukim Pulau Teluk Renjuna di sini.

"Bagi jajahan Tumpat, kita mempunyai sembilan pangkalan hadapan termasuk di Pulau Teluk Renjuna bagi menyimpan barangan-barangan ini yang akan diagihkan segera kepada penduduk terlibat banjir.

"Setiap tahun kita tempatkan barangan keperluan ini di pangkalan hadapan dan ia mencukupi bagi keperluan penduduk, tetapi jika berlaku kekurangan bekalan, penghulu mukim boleh maklumkan kepada JKM," katanya kepada pemberita di Kampung Pulau Teluk Renjuna di sini hari ini.

Antara 13 kampung di gugusan pulau itu ialah Pulau Suri, Pulau Seratus, Pulau Beluru, Teluk Renjuna, Pantai Baru, Pulau Tongkang, Pulau Haji Nik Mat dan Pantai Timun.

Sementara itu, Penghulu Mukim Pulau Seratus Azahari Musa berkata dengan adanya stok barangan keperluan, ia akan memudahkan pihaknya menyalurkan bantuan kepada penduduk mengikut kawasan terlibat.

"Cara agihan bergantung kepada tempat yang terkesan banjir, sekiranya mereka tidak boleh datang ambil barang-barang ini, kita hantar kepada mereka supaya barangan ini sampai dengan selamat," katanya.

KERJASAMA PADU JKM, PDRM TANGANI KES BUANG BAYI: FATIMAH

LIMBANG: Kerjasama padu yang dijalin Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menangani masalah kes pembuangan bayi termasuk menjejaki si pelaku yang terlibat dalam kes itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata beberapa tangkapan dan pertuduhan juga telah dibuat PDRM terhadap kes berkenaan.

Jelasnya, melalui tangkapan dan pertuduhan yang dibuat PDRM, ia membolehkan pihaknya mendapatkan dan memperolehi maklumat lanjut berhubung profil bayi berkenaan, pelaku dan ibu kepada bayi berkenaan untuk program advokasi yang dilaksanakan tahun depan.

"Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak PDRM dan juga pihak JKM yang dapat menyelesaikan dari segi menjejaki siapa ibu dan bapa kepada bayi ini dan kalau kita lihat dari segi tangkapan yang telah dibuat dan insya-Allah akan dibuat pertuduhan dari segi kecepatan kes ini.

"Ini satu usaha yang sangat baik untuk pengajaran bagaimana ia berlaku dari segi profil kanak-kanak itu kita tahu dan juga si pelaku ini juga kita tahu.

"Ini adalah maklumat yang sangat penting untuk kita gunakan dalam usaha kita dalam program yang kita jalankan dalam tahun 2025," katanya kepada media

selepas Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis kepada Hospital Limbang di Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang pada petang Isnin.

Hadir sama, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Perhubungan Negeri-Persekutuan) Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Datuk Dr Abdul Rahman Ismail dan Pengarah Hospital Limbang Dr Nur Ain Yahya.

Fatimah berkata kes pembuangan bayi yang berlaku di Sarawak merupakan satu tragedi dan menyedihkan kerana melibatkan nyawa.

Beliau turut merujuk kepada kes pembuangan bayi di Sibu yang mana ibu merupakan golongan bawah umur yang baharu berusia 14 tahun.

“Kementerian secara intensifnya melaksana program Program Kesedaran dan Advokasi Pendidikan Seksual (KAPS) yang menumpukan kepada pelajar sekolah susulan berlakunya kes hamil membabitkan kanak-kanak bawah umur,” katanya.

Jelasnya, melalui pelaksanaan program itu, didapati berlaku penurunan kes hamil membabitkan bilangan kanak-kanak yang masih berada di bangku sekolah sepanjang tahun lepas.

Bagaimanapun katanya, kes hamil membabitkan kanak-kanak bawah umur meningkat semula tahun ini apabila dua kes pembuangan bayi direkodkan sepanjang bulan Oktober lepas iaitu di Lawas dan di Sibu.

Terdahulu, majlis menyaksikan penyerahan sebuah mesin hemodialisis bernilai RM41,150 kepada Hospital Limbang.

Kata beliau, bantuan mesin hemodialisis ini dapat menambah bilangan mesin sedia ada berikutan pertambahan bilangan pesakit yang menjalani rawatan di Hospital Limbang.

21 BEKAS PENGHUNI PUSAT JAGAAN WARGA EMAS ‘DIBUANG’ DI LUAR PEJABAT NGO



Bekas penghuni sebuah pusat jagaan warga emas yang ditemukan Tamar Kural di sebuah gudang usang di Kulim. (Gambar Tamar Kural)

BUTTERWORTH: Seramai 21 bekas penghuni pusat jagaan warga emas yang telah ditutup, termasuk lima orang sakit mental, ditinggalkan di luar pejabat sebuah NGO di Perai hari ini.

P David Marshel, yang mengetuai Tamilar Kural, berkata pihaknya memiliki video memaparkan kumpulan warga emas ini dibawa oleh beberapa kereta dan ditinggalkan di pejabat NGO itu pada 12.30 tengah hari.

Pemandu terbabit kelihatan tergesa-gesa menyuruh mereka keluar daripada kenderaan, dan beredar dalam keadaan terburu-buru.

Menurut David, Tamilar Kural pada April memeriksa dakwaan berlakunya serangan di sebuah pusat jagaan warga emas, yang membawa kepada siasatan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan penutupan pusat itu.

Semalam, Tamilar Kural menjejaki penghuni pusat itu dan menemukan mereka di sebuah gudang usang dalam ladang kelapa sawit di Kulim, Kedah — beberapa orang tua didapati dirantai pada katil.

“Kami amat terkejut apabila mendapati lima orang mengalami masalah mental dan seorang buta dengan amputasi dalam kalangan warga emas dan sakit yang baru sahaja ditinggalkan di sebuah gudang di tengah-tengah ladang kelapa sawit,” katanya.

David berkata Tamilar Kural bersemuka dengan bekas penjaga pusat jagaan itu, dan menawarkan untuk meletakkan warga emas berkenaan di pusat jagaan lain.

“Sekarang mereka telah meninggalkan tanggungjawab dan meletakkan warga emas ini di luar sebuah rumah kedai,” katanya.

David berkata beliau telah menghubungi Exco Kesihatan Daniel Gooi dan Exco Kebajikan Lim Siew Khim, yang memaklumkan Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pegawai telah dihantar untuk memeriksa bekas penghuni pusat jagaan ini.

Ketika dihubungi, Gooi berkata semua penghuni berasal dari Kedah, dan lima daripada mereka dibawa ke fasiliti Kementerian Kesihatan memandangkan mereka kelihatan mengalami masalah mental.

Selebihnya berada di bawah jagaan JKM, tambahnya.

Sementara itu, David berkata laporan telah dibuat di Balai Polis Perai.

SUZANA IDAYU WANITA PERTAMA DILANTIK PENGARAH BESAR FELDA



Pengarah Besar Felda, Dr Suzana Idayu Wati Osman

KUALA LUMPUR- Dr Suzana Idayu Wati Osman dilantik sebagai Pengarah Besar Felda yang baharu berkuatkuasa hari ini, menjadikan beliau wanita pertama dilantik ke jawatan berkenaan.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pengarah Felda itu menggantikan Datuk Amiruddin Abdul Satar yang menamatkan perkhidmatan, 14 Oktober lalu.

Felda dalam kenyataannya berkata, pelantikan Suzana Idayu Wati bakal memberi impak positif yang berkekalan kepada 112,638 peneroka serta generasi masa depan mereka di seluruh negara.

“Ini mencerminkan pengiktirafan terhadap peranan wanita dalam menggerakkan pembangunan ekonomi negara. Langkah ini seiring dengan aspirasi kerajaan untuk memperkasakan penyertaan wanita dalam semua sektor sebagai pemacu utama ke arah Malaysia yang progresif dan mampan,” kata kenyataan itu hari ini.

Suzana Idayu Wati mempunyai pengalaman luas dalam industri perladangan sejak menyertai Felda sebagai Pegawai Tadbir pada 1998 sehingga memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Pelaburan Felda pada 2008.

Beliau kemudian menyertai FGV Holdings Berhad (FGV) sebagai Timbalan Ketua Eksekutif Kumpulan dan beberapa jawatan penting di FGV sebelum menjadi Ketua Pegawai Pelaburan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Kepimpinan beliau diperkuatkan dengan pengalaman lebih tiga dekad dalam pelbagai sektor termasuk perbankan, kewangan, pelaburan dan pengurusan aset institusi.

Suzana Idayu Wati yang berkelulusan Doktor Falsafah dan Sarjana dalam Kewangan dari Universiti Putra Malaysia juga menganggotai pengurusan kanan dan ahli lembaga pengarah di lebih 35 entiti di dalam dan luar negara.

Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) dan ahli Lembaga Pengarah Felcra. –MalaysiaGazette

WARGA EMAS DIBERI PELUANG AKTIF MELALUI PAWE

LAHAD DATU: Pewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas (Pawe) di daerah ini mampu memberi peluang kepada warga emas untuk menjalankan aktiviti harian dalam komuniti.

Pemimpin Pembangunan Masyarakat Segama, Datuk Mizma Appehdullah berkata, Pawe merupakan satu inisiatif yang baik dalam menggalakkan warga emas untuk menjalankan aktiviti yang mampu meningkatkan kualiti hidup mereka.

Mizma berkata, Pawe menyediakan pelbagai program dan aktiviti yang dapat membantu warga emas untuk bergiat aktif, kekal sihat dan produktif.

“Pawe menyediakan pelbagai aktiviti seperti program keagamaan, rekreasi, terapi dan pemulihan, kursus dan latihan serta ceramah-ceramah.

“Justeru itu, saya berharap agar warga emas di daerah ini dapat memanfaatkan inisiatif ini,” katanya.

Mizma berkata demikian ketika merasmikan pembukaan Pawe Lahad Datu. Menurut Mizma, Pawe merupakan satu inisiatif yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Katanya, inisiatif ini merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (developmental) kepada warga emas.

“Selain daripada menyediakan pelbagai kemudahan dan program yang dapat membantu warga emas untuk meningkatkan kualiti hidup mereka, inisiatif ini juga dapat menjadi wadah mengukuhkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama,” katanya.

Dalam pada itu, Mizma berkata kerajaan, khususnya kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat selaras dengan Hala Tuju Pembangunan Sabah Maju Jaya.

Jelasnya, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi membantu rakyat dari semua golongan.

“Inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan juga meliputi pelbagai aspek seperti pendidikan, peningkatan ekonomi melalui bantuan perniagaan dan keusahawanan, serta banyak lagi.

“Kita berharap agar rakyat dapat memanfaatkan inisiatif-inisiatif ini dan kita di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) juga akan terus berusaha memastikan rakyat dapat menikmati inisiatif dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan,” tambahnya.